



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

Fail Rujukan:

Pejabat Kesihatan Daerah,
Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat
Lot 7523, Jalan Hentian Kajang 1C,
Plaza Hentian Kajang, Jln Reko
43000, Kajang

(No.Telefon: 03-87367770)

Kepada:

Nama: MOHD NOR AZLIZAN BIN NORDIN 019-9806540

No. Kad Pengenalan/Pasport: 811125-03-5565

Alamat: 04-A2 SUTERA APARTMENT, JALAN SUTERA UTAMA, TAMAN SUTERA RESIDENCE, 43200 CHERAS

Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Korona Virus 2019 (COVID-19) Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]

1. Dalam menjalankan kuasa di bawah seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], saya NUBIL AZWA HANIM RINTA PERAGAS
PEN. PEG. KESIHATAN PERSEKITARAN U29
PEGAWAI DIBERI KUASA
NO. PERAKUAN KUASA: 2899, Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik menurut seksyen 3 Akta 342 memerintahkan Tuan/Puan untuk menjalani pengawasan dan pemerhatian di premis seperti alamat di atas dengan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2, 3, 4 dan 5 perintah ini dan syarat lain yang dinyatakan dalam borang *Home Assessment Tool* selama 14 hari bermula pada 15.12.2020 (tarikh) sehingga 22.12.2020 (tarikh) atau suatu tempoh yang diarahkan oleh Pegawai Diberi Kuasa ("tempoh pengawasan dan pemerhatian").
2. Tuan/Puan dikehendaki sentiasa memakai gelang tangan yang dibekalkan oleh Pegawai Diberi Kuasa sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian serta memastikan gelang tangan tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan sempurna. Sekiranya gelang tangan tersebut rosak, tuan/puan hendaklah dengan segera melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) paling hampir dan mendapatkan gelang tangan gantian. Tuan/Puan hendaklah tidak menanggalkan, memotong atau merosakkan gelang tangan tersebut. Gelang tangan tersebut hanya boleh ditanggalkan oleh Pegawai Diberi Kuasa selepas Tuan/Puan mendapat surat pelepasan perintah pengawasan dan pemerhatian.
3. Tuan/Puan hendaklah dengan seberapa segera memuat turun aplikasi MySejahtera atau aplikasi lain yang ditetapkan oleh Kerajaan ke dalam telefon bimbit pintar atau apa-apa peranti lain sama ada yang didaftarkan atas nama tuan/puan atau di bawah kawalan tuan/puan dan hendaklah memastikan telefon bimbit atau peranti tersebut sentiasa berada bersama tuan/puan dan berada dalam mod aktif sepanjang masa sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian. Tuan/Puan hendaklah memastikan segala maklumat yang dikemukakan oleh Tuan/Puan dalam aplikasi MySejahtera adalah tepat dan benar.
4. Sepanjang tempoh Tuan/Puan diletakkan di bawah pengawasan dan pemerhatian, Tuan/Puan dikehendaki mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya dan memantau kesihatan diri menggunakan borang *Home Assessment Tool* (Lampiran 1) yang dilampir bersama perintah ini.
5. Sekiranya Tuan/Puan adalah penjaga yang sah kepada kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun atau orang kelainan upaya (OKU), Tuan/Puan hendaklah mengemukakan maklumat kanak-

kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun atau orang kelainan upaya (OKU) tersebut dalam Lampiran 2 dan memastikan orang di bawah jagaan Tuan/Puan mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya.

6. Kegagalan Tuan/Puan untuk mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 22 Akta 342 dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 24 Akta 342.

Pegawai Diberi Kuasa	
Nama	: NURUL AZWA HANIM BINTI AHMAD PEN. PES. KESIHATAN PERSEKITARAN U29 PEGAWAI DIBERIKUASA NO. PERAKUAN KUASA : 2880
Jawatan	:
Tarikh & Masa	: 16/12/2020
Pengesahan Menerima Salinan Perintah oleh Kontak yang Diletakkan di bawah Pengawasan dan Pemerhatian	
Nama	: MOHD NOR AZLIZAN BIN NORDIN
No. Kad Pengenalan /Pasport	: 811125-03-5565
Tarikh & Masa	: 16/12/2020
Tandatangan	:

Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah Kediaman Bagi Kontak Jangkitan

COVID-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)

Tindakan Yang Perlu Dilakukan Semasa Dalam Tempoh Pemerhatian Dan Pengawasan

A. Tinggal Di Rumah Kediaman Beralamat Di Atas

- i. Hendaklah tinggal di rumah kediaman seperti di alamat yang dinyatakan sepanjang masa bermula dari : **15.12.2020** hingga **22.12.2020**
- ii. Anda dikehendaki mengasingkan diri daripada ahli keluarga yang lain, umpamanya berada di bilik yang berasingan. Sekiranya perlu berinteraksi dengan ahli keluarga, anda dikehendaki untuk memakai penutup mulut dan hidung (*mask*).
- iii. Aturkan dengan waris / saudara mara / rakan untuk membeli keperluan harian.
- iv. Jika anda terpaksa pergi ke suatu tempat kerana tidak dapat ditangguhkan, sila hubungi dan dapatkan nasihat daripada Pegawai Kesihatan Daerah di nombor telefon: **03-87367770 Ext: 256**
- v. Elakkan daripada berhubung secara dekat dengan ahli-ahli keluarga / rakanrakan. Sekiranya saudara mara, sahabat handai menziarahi anda – adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mencatatkan nama, nombor telefon dan tarikh kunjungan mereka.
- vi. Pasangan, anak-anak, adik beradik atau mana-mana individu lain yang tinggal serumah tetapi TIDAK dikenakan perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah adalah BEBAS untuk melakukan aktiviti seharian mereka.
- vii. Anda hanya akan diberi pelepasan oleh Pejabat Kesihatan daerah (PKD) daripada menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian dirumah selepas 14 hari dari tarikh akhir anda terdedah kepada kes yang disahkan COVID-19.

B. Periksa Gejala Jangkitan

- i. Periksa suhu badan setiap hari dan keadaan ini perlu dipantau selama **EMPAT BELAS HARI (14)** hari bermula dari tarikh **15.12.2020**. Penutup mulut dan hidung (*mask*) hendaklah dipakai sepanjang masa jika anda demam atau batuk sebelum bantuan perubatan tiba.
- ii. Jika anda mengalami mana-mana gejala dan tanda seperti berikut, **SEGERA** hubungi Pegawai Kesihatan Daerah di nombor telefon: **03-87367770 Ext 256** untuk tindakan selanjutnya:
 - a. Kesukaran bernafas –tercungap-cungap, pernafasan menjadi laju atau warna bibir bertukar menjadi kebiruan
 - b. Batuk berdarah
 - c. Sakit dada yang berterusan
- d. Demam yang berpanjangan sehingga melebihi 3 hari atau demam yang berulang semula selepas 3 hari

C. Amalkan Kebersihan Diri

- i. Sentiasa amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*), terutamanya selepas batuk atau bersin.
- ii. Amalkan adab batuk yang baik. Tutup mulut dan hidung anda menggunakan tisu apabila anda batuk dan bersin. Sejurus selepas itu, buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah bertutup.
- iii. Dapatkan pengudaraan yang baik di dalam rumah. iv. Bersihkan permukaan dan objek yang mungkin dicemari dengan kahak, cecair batuk/bersin atau bendalir serupa yang keluar dari hidung atau mulut dengan menggunakan bahan cucian seperti *chlorox*. Bancuhan yang disyorkan ialah 1 bahagian *chlorox* kepada 50 bahagian air.

D. Perkara-Perkara Yang Dilarang

- i. Menanggalkan penutup mulut dan hidung (*mask*) apabila dikunjungi oleh waris atau tetamu.
 - ii. Meninggalkan rumah kediaman beralamat di atas bagi tujuan membeli belah, bersiar-siar ke padang permainan atau ke tempat awam.
- E. Salinan surat ini boleh dikemukakan kepada majikan sebagai bukti arahan perintah pengawasan & pemerhatian di rumah kediaman. Bersama ini disertakan juga panduan pengendalian isu-isu berhubung wabak berjangkit termasuk novel coronavirus di tempat kerja oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia.

PERINGATAN !!!

Pemeriksaan mengejut akan dilakukan bagi memastikan perintah-perintah di atas dipatuhi dan kegagalan mematuhi perintah - perintah di atas boleh menyebabkan tindakan mahkamah dikenakan ke atas Tuan/Puan.